

UKM lahir graduan holistik

Pusat Citra
Universiti,
16 rakan industri
jalin persefahaman
jayakan
pembelajaran
berasaskan kerja

Oleh SARINA MOHD SOM

BANGI



Mohd Hamdi (enam dari kanan) bersama 16 wakil rakan industri selepas tertetap Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Persefahaman (MoA) Pembelajaran Berasaskan Kerja di UKM, Bangi baru-baru ini.



MOHD HAMDI



HARLINA

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi Pusat Citra Universiti itu buat julung kalinya menandatangani memorandum perjanjian secara serentak dengan 16 institusi rakan industri bagi menjayakan pembelajaran berasaskan kerja.

Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor berkata, UKM amat mengalu-alukan penglibatan secara langsung dan berterusan daripada pihak industri, baik dalam kalangan organisasi swasta, agensi kerajaan, syarikat perusahan kecil dan sederhana mahupun pertubuhan bukan kerajaan dan organisasi.

"UKM menyedari dan bertanggungjawab dalam memastikan kebolehpasaran graduan UKM sentiasa tinggi lebih-lebih lagi dalam situasi pasca-Covid-19 yang menyaksikan

peningkatan kadar pengangguran dalam negara," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Persefahaman (MoA) Pembelajaran Berasaskan Kerja di UKM di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, UKM telah bersedia lebih awal dengan menawarkan kursus yang pelbagai dan memenuhi kehendak pasaran kerja.

Salah satunya adalah menerusi penawaran program pendidikan Citra bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar UKM melalui Pusat Citra Universiti.

"Pusat Citra turut menawarkan Program Sarjana Muda Sains (SmSc) Citra Mod Pengajian 2u2i yang disertai oleh 16 rakan industri.

"Program tersebut turut memberi pilihan kepada pelajar untuk memilih dua atau tiga bidang pengkhususan yang dapat

meningkatkan daya saing dalam pasaran pekerjaan," katanya.

Antara rakan industri yang terlibat ialah Brahim's SATS Food Services, Kumpulan Maybank Berhad, Mesiniaga Berhad, Trans Eco Development Sdn Bhd, Wasiyyah Shoppe Berhad, Hadis Solution Group dan Leet Ventures.

Katanya, kerjasama tersebut diharap dapat memastikan pertukaran ilmu dan kepakaran seterusnya memenuhi keperluan negara melalui keterlibatan berteraskan pengetahuan merentasi penyelidikan, pendidikan dan khidmat.

Sementara itu, Pengarah Pusat Citra Universiti, Profesor Datuk Dr Harlina Halizah Siraj berkata, program terbaharu tersebut mengambil pendekatan pendidikan futuristik yang menggunakan kaedah pembelajaran yang diperibadikan, fleksibel, dinamik, boleh lentur dan organik.

Ia juga mengambil kira kepayaan, minat dan bakat pelajar untuk dididik menjadi graduan yang holistik serta bersedia bekerja di dalam bidang industri berkaitan.

"Struktur kurikulum empat tahun untuk program SmSc ini mengambil pendekatan 2u2i, dua tahun di universiti dan dua tahun di industri, atau 3u1i, tiga tahun di universiti dan setahun di industri.

"Kaedah ini membuka peluang keemasan kepada rakan industri untuk turut sama memberikan sumbangan perkongsian ilmu dan pengalaman bagi membantu pelajar prasiswazah

16 rakan industri

1. Brahim's SATS Food Services
2. Kumpulan Maybank Berhad
3. Mesiniaga Berhad
4. Trans Eco Development Sdn Bhd
5. Wasiyyah Shoppe Berhad
6. Hadis Solution Group
7. Leet Ventures
8. Alfai Jannah Sdn Bhd
9. ARBA Travel & Tours Sdn Bhd
10. DD Animation Studio
11. DRZ Talent Ignite
12. IPAYBB Malaysia
13. NLPM Centre
14. Training Cube International
15. ARBA International Waqf (Labuan) Foundation
16. MyHarapan Youth Trust Foundation

membangunkan kapasiti serta kebolehan mereka," katanya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UKM, Profesor Datuk Ir Mohd Marzuki Mustafa.

Pusat Citra Universiti turut berhasrat memperkukuhkan lagi kerjasama dengan rakan-rakan strategik melalui pelantikan profesor adjung dan ahli panel penasihat untuk program SmSc.

Tertkini, bermula Oktober depan, dua pelajar SmSc Tahun Dua, kohort pertama yang memilih 2u2i telah pun mendapat tempat untuk memulakan pembelajaran berasaskan kerja di Maybank dan juga Sirim.

Simbolik penyerahan oleh Mohd Hamdi (dua dari kanan) kepada Pengerusi Eksekutif Brahim's Holdings Berhad, Datuk Seri Ibrahim Ahmad Badawi (dua dari kiri) disaksikan oleh Abdul Wahid (tengah) pada Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Persefahaman (MoA) Pembelajaran Berasaskan Kerja di UKM, Bangi baru-baru ini.

